

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) 11/MEI/2016 M/S 22

5,000 jawatan di Karnival Kerjaya UMP

Oleh SITI NORIZAT SHIKH
ABDUL JALIL

utusanktn@utusan.com.my

■ KUANTAN 10 MEI

LEBIH 5,000 jawatan kosong ditawarkan dalam Karnival Kerjaya 2016 yang berlangsung selama dua hari bermula Jumaat ini di Dewan Astaka Universiti Malaysia Pahang (UMP), kampus Gambang dekat sini.

Karnival anjuran Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM) UMP itu melibatkan penyertaan 40 syarikat dan agensi yang menyediakan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dalam pelbagai sektor.

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UMP, Prof. Dr. Zulkifli Yaacob berkata, mahasiswa tahun akhir dan pencari kerja diajukan aluan ke karnival itu bagi mengetahui maklumat tentang kerjaya bersesuaian dengan kelayakan serta pengalaman masing-masing.

"Pengunjung boleh mendapatkan bimbingan dan tunjuk ajar menerusi pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang karnival termasuk bimbingan bagi menjalani sesi te-



Kami turut menyediakan ruang kepada alumni berkongsi pengalaman dunia pekerjaan sebenar sebagai panduan kepada mereka yang hadir."

PROF. DR. ZULKIFLI YAACOB

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UMP

muduga.

"Kami turut menyediakan ruang kepada alumni berkongsi pengalaman dunia pekerjaan sebenar sebagai panduan kepada mereka yang hadir," katanya di sini hari ini.

Tambah Zulkifli, karnival kerjaya tersebut adalah kemuncak penganjuran Bulan Kerjaya yang diadakan sejak 13 April lalu melibatkan ceramah kerjaya dan temuduga dengan Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd.; Kaneka (M) Sdn. Bhd; Cosmoderm; Program Skim Latihan 1Malaysia (SLIM) dan Bicara Usahawan.

Sementara itu, Pengarah Pusat

Pembangunan dan Penempatan Kerjaya, Datuk Jeffrey Khor Chooi Beng berkata, program bermula pukul 9 pagi hingga 4.30 petang itu terbuka kepada semua mahasiswa UMP termasuk orang awam.

"Mereka yang ingin memohon pekerjaan dinasihatkan membawa resume dan dokumen berkaitan bagi tujuan temuduga secara terus di syarikat serta agensi pekerjaan.

"Antara industri atau syarikat terlibat adalah Talentcorp Malaysia Sdn. Bhd.; Polyplastics Asia Pacific Sdn. Bhd.; Great Eastern Life Assurance (M) Sdn. Bhd.; Motorola Solutions (M) Sdn. Bhd.; Telekom Malaysia; Muehlbaeur Technologies Sdn. Bhd. dan UMP Holdings Sdn. Bhd.," ujarnya.

Tambah beliau, mereka yang berminat juga boleh menyertai program TalentCorp Boot Camp yang bertujuan meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan mencari bakat berpotensi dalam industri di samping menambah kemahiran berkomunikasi menerusi aktiviti disediakan.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung karnival tersebut boleh menghubungi urusetia di talian 09-5492098/2099/2753.



ZULKIFLI YAACOB (kanan) dan Jeffrey Khor Chooi Beng menerangkan tentang program Karnival Kerjaya UMP di Kuantan, Pahang. - UTUSAN/SITI NORIZAT SHIKH ABDUL JALIL